




Sila dimaklumkan bahawa **berkuatkuasa 1 Julai 2018**, kami akan menghentikan penggunaan Buku Simpanan/-i.

Anda boleh menerima penyata bulanan anda dengan mendaftar untuk Perbankan Internet Connect Hong Leong atau 'Connect App'. Sila ikuti langkah-langkah ini untuk pendaftaran Connect :

#### Langkah 1 - Daftar dengan Perbankan Internet Connect

- 

Daftar nombor telefon mudah alih anda di mana-mana ATM Hong Leong Bank untuk menerima Kod Kelulusan Transaksi (TAC)
- 


Layari [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my) dan klik pada 'Register here'
- 


Pilih produk yang anda ingin daftarkan
- 

Ikuti langkah seterusnya untuk melengkapkan pendaftaran

Setelah anda telah mendaftar untuk Hong Leong Connect, anda boleh memilih untuk melihat atau memuat turun e-Penyata anda melalui Perbankan Internet Connect atau 'Connect App'.

#### Langkah 2 - Lihat atau muat turun e-Penyata pada bila-bila masa di Hong Leong Connect


- 


Log masuk ke [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)
- 


Pilih 'Statement/Invoice' > 'Online Statement'
- 


Pilih 'Download Statement' untuk akaun pilihan


#### Langkah Pilihan - Pendaftaran untuk langganan E-mel untuk menerima e-Penyata melalui e-mel

- 

Log masuk ke [www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)
- 

Pilih 'Statement/Invoice' > 'Email Subscription'
- 

Pilih 'Statement Subscription'
- 

Masukkan alamat e-mel untuk akaun yang dipilih
- 

Baca Terma dan Syarat, tanda kotak untuk bersetuju, dan klik 'Submit'

Anda akan menjadi sebahagian daripada warga prihatin terhadap alam sekitar kita di samping menerima manfaat berikut:

- Lihat penyata 24 bulan terdahulu sehingga kini secara dalam talian pada bila-bila masa, di mana sahaja
- e-Penyata dilindungi oleh kata laluan untuk keselamatan
- Dapatkan e-Penyata anda dengan lebih cepat, jangan bimbang tentang kehilangan penyata dalam surat pos biasa

Kami sentiasa berusaha memberi perkhidmatan terbaik untuk anda. Kami menghargai peranan anda dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar dan terima kasih atas sokongan berterusan anda.